

# Kumpulan REAKSI Perpustakaan Johan Pertandingan KIK UPSI



Ahli kumpulan REAKSI perpustakaan



En. Mohd Hizam sebagai fasilitator terbaik



Johan konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UPSI

Pada 28hb. Disember 2007, Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Peringkat UPSI Kali Ke 2 telah diadakan. Kumpulan REAKSI yang mewakili perpustakaan telah menjadi johan bagi konvensyen tersebut. Tajuk projek yang dibentangkan ialah “mengurangkan ketidakpuasan hati pelanggan disebabkan ketiadaan buku di rak”.

En. Mohd Hizam sebagai fasilitator kumpulan REAKSI telah dipilih sebagai fasilitator terbaik.

Pada konvensyen ini juga, Perpustakaan Tuanku Bainun turut menerima tempat ke tiga bagi pertandingan laman web antara jabatan.

## Sekapur Sirih

### Dari Meja Penasihat



Assalamualaikum wr.wbt. dan salam sejahtera.

Syukur kehadiran Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya dapat kita bertemu dan berbicara lagi di ruangan ini. Berakhirnya tahun 2007 dan bermulanya tahun 2008 ini bermakna perpustakaan perlu merenung kembali kepada usaha-usaha penambahbaikan tahap perkhidmatannya, khususnya dalam memenuhi kehendak pelanggan seiring dengan peranan utama perpustakaan dalam menyediakan maklumat serta kemudahan bagi menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti.

Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) perpustakaan atas kejayaan menjadi johan konvensyen KIK di peringkat di UPSI dan tempat ketiga bagi pertandingan laman web antara jabatan dUPSI. Semoga dengan kejayaan yang telah dicapai akan dapat mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan perpustakaan.

Selain itu juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan tertinggi UPSI atas sokongan padu mereka serta warga kerja perpustakaan dengan komitmen dan prestasi cemerlang yang ditunjukkan pada tahun 2007. Pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh perpustakaan menunjukkan wujudnya kerjasama yang baik di antara semua peringkat kakitangan perpustakaan. Saya yakin perpustakaan akan terus mengecapi kejayaan dan kecemerlangan pada tahun ini dan tahun-tahun akan datang.

### Cik Zahariah bt Mohammed Shaharoon

#### Ketua Pustakawan

### Dari Meja Ketua Pengarang

Assalamualaikum wr.wbt. dan salam sejahtera.



Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya memberi kesempatan kepada saya dan sidang redaksi *info@Pustaka* menerbitkan buletin ini. Ucapan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada sidang redaksi di atas segala usaha dalam menerbitkan *info@Pustaka*.

Bersempena dengan terbitnya *info@Pustaka* kali keenam ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih atas komitmen yang diberikan oleh setiap warga perpustakaan dalam menyumbangkan artikel untuk penerbitan kali ini. Pihak sidang redaksi pada kali ini telah menyingkap kembali peristiwa sepanjang Januari sehingga Mac 2008 yang lalu serta merakamkan sebanyak mungkin aktiviti yang dijalankan oleh perpustakaan, di samping rencana serta maklumat ilmiah yang menarik.

Akhir kata, diharapkan *info@Pustaka* ini dapat memberi secara ringkas maklumat mengenai perpustakaan dan pembaca dapat mengenali perpustakaan dengan lebih dekat lagi.

### Pn. Rusliza bt Yaacob

#### Ketua Pengarang

## Isi Kandungan

Aluan penasihat Info@Pustaka	2
Apa itu pengkatalogan dan pengelasan	3
Tokoh pilihan	4-5
Digital reference services	6-7
Memahami saiz dan media	8
Aktiviti perpustakaan 2008	9
Berita kakitangan	10
Cahaya kasih	11
Sukan dan riadah	11
Ulasan buku	12

## Sidang Redaksi

### Penasihat

Zahariah Mohamed Shaharoon

### Ketua Pengarang

Rusliza Yaacob

### Pen. Ketua Pengarang

Muliati Abdul Samad

### Pengarang

Azura Adnan

Chin Fei Sing

Anizah Tumin

Noriha Muhammad

Mohd Zaid Mohamed Idris

Mohd Razalli Ahmad Termizi

Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan

### Penerbitan & Edaran

Raja Radiah Raja Ahmad

### Pereka Web

En. Rozman Che Ross

# Di Sebalik Himpunan Buku

*Disediakan oleh : Nor Hanizah Zahid*

Sebahagian dari judul-judul bahan yang berkaitan tentang wanita sempena Hari Wanita Antarabangsa yang disambut pada 8 Mac 2008:

- ◆ 10 smart moves for women who want to succeed in love and life / Dianna Booher. Petaling Jaya, Malaysia: Advantage Quest Sdn.Bhd, 1997.  
No. Panggilan : HQ1206. B56 1997
- ◆ Chicken soup for the woman's soul : 77 kisah untuk membuka hati dan mengobarkan kembali semangat wanita / Jack Canfield. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, 1997.  
No. Panggilan : BJ1610. C36 1997
- ◆ Jadilah wanita yang paling bahagia : wahai kaum wanita, jangan bersedih / 'Aidh bin 'Abdullah Al-Qarni ; penerjemah Bahrun Abu Bakar Ihsan Zubaidi. Bandung: Irsyad Baitus Salam, 2005.  
No. Panggilan : HQ1170. Q764 2005
- ◆ Life lessons for women / Jack Canfield, Mark Victor Hansen and Stephanie Marston. Deerfield Beach, Florida: Health Communications, 2004.  
No. Panggilan : HQ1206. L493 2004
- ◆ Mean girls grown up : adult women who are still queen bees, middle bees and afraid-to-bees / Cheryl Dellasega. Hoboken, NJ: John Wiley & Sons, 2005.  
No. Panggilan : HQ1206. D3612 2005
- ◆ Menjadi wanita paling bahagia / Dr. Aidh Al-Qarni ; penerjemah Akhmad Budhiyanto. Jakarta: Qisthi Press, 2004.  
No. Panggilan : HQ1170. Q764 2004



# Tokoh Pilihan

Disediakan oleh : Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan



**Pendidik Terbilang**  
**Profesor Emeritus Tan Sri**  
**Dr. Awang Had Salleh**

Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Awang Had Salleh dilahirkan pada 24 Jun 1934 di Kampung Bagan Pulau Betong, Balik Pulau, Pulau Pinang. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pulau Betong dan lulus Darjah III semasa pemerintahan tentera Jepun. Beliau meneruskan persekolahan peringkat menengah di Sekolah Melayu Seberang Alor Star, Kedah. Beliau seterusnya terpilih melanjutkan pengajian di Sultan Idris Training College (SITC), Tanjong Malim pada tahun 1951 hingga 1954 dan memperoleh Sijil Perguruan. Awang Had dilantik menjadi guru pelatih dan mula mengajar di Sekolah Melayu Gunung, Alor Setar, Kedah. Setelah tamat pengajiannya di SITC, Awang Had mengajar Bahasa Melayu di Maktab Sultan Abdul Hamid di Alor Setar. Beliau yang begitu menyintai ilmu sanggup belajar secara bersendirian dalam *Special Afternoon Class* di Maktab Sultan Abdul Hamid. Setelah berjaya dengan cemerlang dalam 'LCE' dan 'MCE', beliau menyambung semula pengajiannya di Maktab Perguruan Bahasa Lembah Pantai sambil menamatkan pengajian peringkat 'HSC'.



Walaupun telah menjawat jawatan Pensyarah di Maktab Perguruan Bahasa Lembah Pantai, beliau meneruskan pengajian di peringkat ijazah di Universiti Malaya, Kuala Lumpur dari tahun 1961 hingga 1964 dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di universiti tersebut dari tahun 1966 hingga 1967 dan memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan. Kerjayanya dalam pendidikan peringkat tinggi bermula sebagai Penolong Pensyarah di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya pada tahun 1967, kemudian dilantik menjadi Dekan Fakulti Pendidikan di universiti tersebut dari tahun 1974 hingga 1975. Awang Had seterusnya menyambung lagi pengajiannya dalam bidang Pendidikan dan Sosiologi di Stanford University, California, Amerika Syarikat pada tahun 1969 hingga 1972 di peringkat Doktor Falsafah. Pada tahun 1978, beliau mengikuti kursus *Academic Planning and University Development* di Lancaster University, United Kingdom dan *Senior University Course* di Western University pada tahun 1979.

Bermula sebagai Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar, Universiti Malaya pada tahun 1975, kemudian dilantik sebagai Pengarah Institut Teknologi MARA pada tahun 1978 hingga 1980, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia dari tahun 1980

hingga 1984, dan menjadi Naib Canselor pertama Universiti Utara Malaysia dari tahun 1984 hingga 1989. Persaraannya tidak bermakna dunia pendidikan ditinggalkan apabila dilantik sebagai Penasihat Pelajaran di Kementerian Pelajaran Malaysia.

Pada tahun 1988 hingga 1989 beliau dilantik pula sebagai Penasihat Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia, dan dari tahun 1989 hingga 1990, beliau diamanahkan sebagai Penasihat Khas kepada Menteri Pendidikan Malaysia. Dalam masa yang sama, beliau memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung UNESCO National Commission dan Ahli Lembaga Eksekutif UNESCO. Pada Disember 1990, beliau dilantik sebagai Senior Fellows Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia.

Pada tahun 1991 hingga 1992, Awang Had menerima perlantikan sebagai Ketua Eksekutif dan Penasihat, Akademi Filem Malaysia. Pada tahun 1992, beliau diberi kepercayaan sebagai Panel Penasihat, Dasar Perfileman Negara (DPN), dan sebagai Ketua Panel Juri dalam Festival Filem Malaysia Ke-10 yang berlangsung pada bulan November 1992. Pada bulan Mei 1997, beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan pada tahun 2000 dilantik pula sebagai Pro-Canselor UPSI sehingga tahun 2007.

Awang Had yang gemar menulis dan berkarya telah menghasilkan beberapa karya yang menjadi rujukan utama dalam bidang pendidikan, seni, sosial dan sejarah di negara kita. Antara karya beliau yang utama ialah *Pelajaran dan Perguruan Melayu di Malaya Zaman British: Dengan Rujukan Khas Kepada Sultan Idris Training College* (1974), *Biru Warna* (1974), *Buat Menyapu Si Air Mata* (1975), *Malay Secular Education and Teacher Training in British Malaya: With Special Refernece to The Sultan Idris Training College* (1975), *Pendidikan Ke Arah Perpaduan: Sebuah Perspektif Sejarah* (1980), "Laporan Jawatankuasa Mengkaji Laporan Penggunaan Bahasa Malaysia" (1982), *Budi* (1990), *Warna-Warna Pengalaman Seorang Guru* (1993), *Labu dan Yati, Awang Had & Salmah dan Universiti Sebagai Taman Minda* (1998). Beliau juga banyak menulis puisi dan drama antaranya "Mencuri Kasih Menumpang" (1984), "Merah Kuning Biru", "Buat Menyapu Si Air Mata", "Selindung Bulan Kedah Tua", "Biru Warna" dan "Tudung Periuk" (1991).



Dalam badan-badan profesional, Awang Had dilantik sebagai Ahli Lembaga Jawatankuasa Istilah, Dewan Bahasa dan Pustaka (1967-1969), kemudiannya dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa tersebut pada tahun 1975 hingga 1978. Beliau juga merupakan Pengerusi Limkokwing Institute of Creative Technology, President Malaysian Educationists' Association (MEA), Pengerusi United World College (UWC), Ahli Lembaga Penasihat Perpustakaan Negara Malaysia (1993-1999), Karyawan Tamu Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (1995) dan selepas itu dilantik menjadi Pengerusi. Beliau juga telah diberi kepercayaan sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat Akademik, Informatics CitiCampus pada tahun 2000 hingga 2001.

Dalam badan-badan sukarela tanah air, Awang Had telah dilantik sebagai Presiden Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya (1963-1964), President Malaysia Association for Education (PERPEMA) (1975), Pengerusi Majlis Pembangunan Buku Negara dan Pengerusi Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan (MPKKB) (1988), Pengerusi Alcoholism Foundation Malaysia, Presiden Persatuan Suluh Budiman SITC/MPSI dan Timbalan Pengerusi Yayasan Amanah Pembinaan Insan (YAPI) pada tahun 1994.

Pelbagai anugerah yang diterima membuktikan sumbangannya bukan sedikit dalam memperkembang ilmu di kalangan rakyat Malaysia. Antara anugerah yang diterimanya ialah pingat Dato' Setia DiRaja Kedah (D.S.D.K.) pada tahun 1978 oleh Sultan Kedah yang membawa gelaran Dato' dan Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) oleh Yang di-Pertuan Agong pada tanggal 2 Jun 1982 yang membawa gelaran Tan Sri. Dalam bidang akademik, beliau adalah penerima Honorary Doctorate of Laws (1986) dari Brock University, Canada. Pada bulan Ogos 1994, Awang Had mendapat pengiktirafan tertinggi dalam bidang akademik apabila dianugerahi Professor Emeritus oleh Universiti Utara Malaysia. Beliau juga penerima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dari Universiti Malaya pada bulan Julai 1999. Atas jasa-jasa dan sumbangannya yang besar dalam bidang pendidikan dan kemasyarakatan, beliau mendapat Anugerah Tokoh Kepimpinan 2006 pada Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan Ke-35 oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Awang Had Salleh ialah Anak Kandung Suluh Budiman kelahiran SITC-UPSI yang merupakan seorang Pendidik Terbilang dan dianggap sebagai salah seorang elit Melayu terkenal dalam dan luar negara.

# Digital Reference Services: reference work in the digital age

By :

Mohamed Zaid Mohamed Idris  
Division of Automation Management

## Background

Reference service is considered one of the academic library's main activities. Librarians are exploring ways of assisting users in emerging virtual communities. Before the birth of internet in mid-1990s, librarians relied on the mail, the telephone and the fax machine to help users who are unable to come in to the library for the reference assistance. The word 'reference' is usually defined as task of providing assistance to library users in finding information, answering questions and fulfilling patron's information needs.

Based on term of digital reference service by Janes, Carter and Memmot (1999) in their article, **digital reference services in academic libraries**, it refers to " a mechanism by which users can submit their questions and have them answered by library staff member through some electronic means (email, chat, web forms, etc) not in person or over the phone."

## Form of digital reference

Digital reference services currently can be categorized into two category: *Asynchronous transactions* and *synchronous transactions*. Asynchronous transactions is a transaction that have time delay between a question and answer. This category of transactions includes e-mail, web forms and Ask-A services. E-mail is the most used format in this digital era. User sends an e-mail to the library with a reference query, supplying whatever information he or she feels is necessary. The library may reply by e-mail, phone, fax, letter, etc. (Wan Kadir, 2006). Web forms can be initiated from designated web site. Web forms are created for digital reference services in order to help the patron to be more productive in asking their question. This document helps the librarian to locate exactly what the patron is asking for. Creation of web forms requires design

consideration. Because web forms are substitute for the reference interview, receiving as much information as possible from the patron is a key function. User will fills out an online form on the library's web site. Which required them to answer clarifying questions that will help the reference librarian responding to the query. Ask – A services is a service that is usually corporate-sponsored websites that allowed users to ask questions and receive answers for free from public information from world wide web or proprietary database or networks.

A *synchronous transactions* can be defined as a real-time transactions where the users get immediate response from the librarian for their enquiries. This category of transaction includes text-based chat, video conferencing or webcam services and digital reference robots. The text-based chat can be divided into two categories: chat using instant messaging and chat using commercial applications. Chat using instant messaging (IM) are commonly used by some libraries especially in USA and UK because of its low cost and the services are mostly free. There are many kind of IM that can be use whether use it as a normal chat applications like Yahoo! Messenger, ICQ, Windows Live or embedded application to the libraries website such as Jabber or Meebo. Utilizing IM for reference services allows a patron or user to contact the library from any location via the internet. This service is like the traditional reference interview because it is a live interaction between the patron and the librarian.

A chat using commercial application includes *VRLplus*, *Virtual Reference Toolkit*, *24/7 Reference* and *QuestionPoint*. These applications bear a resemblance to commercial help desk applications. These applications possess functionality such as: instant messaging, co-browsing, webpage and document pushing, customization of pre-scripted messages, storage of chat transcripts and statistical reporting. A video conferencing or webcam services is a form of digital reference which includes visual element. Librarians and users are able to use both text and speech for reference transactions.

### Conclusion

As part of evolution of the digital library, digital reference services should well developed and practices by the librarians in order to satisfying the user needs and perceptions. In this region, digital reference services is a new technology that has a potential to enhance the availability of reference services to the user. Towards that, the librarian need to be properly train in order to acquire skills to operate various formats of digital library services. They need to equip themselves with the interview techniques, communication skills, organization of information and also the skill that enable them to adopt the technology.




Figure 1 Example of site using embedded IM





Figure 2 Examples of site using IM and commercial application

# Memahami saiz dan media storan

Anda menaip satu tugas kerja yang diarahkan. Setelah siap tugas berkenaan, anda diminta untuk menghantarkan salinan *soft copy* kepada pegawai anda untuk disemak. Anda seterusnya menyemak saiz fail berkenaan dengan cara berikut :



Saiznya adalah 4.8 MB atau 5,033,984 bytes. Apa maknanya angka dan unit ini ?

Sebagai permulaan, unit data terkecil dalam dunia perkomputeran adalah bit (singkatan adalah 'b' dengan huruf kecil). 1 bait (singkatan adalah 'B' dengan huruf besar) pula adalah bersamaan dengan 8b. 1,048,576B pula membawa kepada persamaan dengan 1 Megabait Baik, bagi saiz sehingga 1.44 MB, satu disket yang bersaiz 3.5" yang biasa digunakan adalah memadai.



Tetapi saiz fail yang dihasilkan di atas adalah 4.80 MB. Di mana kita hendak memuatkan fail tujuan penghantaran ? Cakera padat ?

ini bagi

Cakera padat atau ringkasannya CD mempunyai saiz storan dari 650 MB sehingga 700 MB. Saiz ini boleh digambarkan dengan anggaran 450 sehingga 486 keping disket. Tetapi ini adalah satu pembaziran. Mengapa? Menggunakan sekeping CD untuk data hanya sebesar 4.80 MB adalah tidak munasabah ini kerana bergantung kepada teknologi, CD hanya boleh ditulis hanya sekali. Mari kita lihat alternatif lain.

USB Flash Drive atau sering kali juga *Thumb Drive* kini biasanya mempunyai saiz akronim GB ini membawa maksud? GB Gigabait adalah 1024 MB. Banyak bukan? MB? Bukankah 1Kg bersamaan dengan unit adalah di dalam gandaan perduaan dan lain. 1GB misalnya adalah 2 kuasa 30 atau 8bit sebagaimana yang kita ketahui di awal ditetapkan oleh kebanyakan sistem



disebutkan sebagai *Thumb Drive* adalah alternatif yang baik. bermula dari 512 MB sehingga 8 GB. Apa pula adalah singkatan kepada Gigabait. Setiap satu Tetapi mengapa 1024 MB dan bukannya 1000 1000g? Di dalam dunia perkomputeran semua bukan gandaan 10 sebagaimana unit-unit kiraan  $2^{30}$  bait manakala 1 Bait pula adalah  $2^3$  bit iaitu artikel ini tadi. Ini adalah ketetapan yang operasi komputer sejak dulu lagi.

Berbalik pada persoalan asal, maka dengan ini memuatkan data ke dalam *Thumb Drive* adalah langkah efektif bagi menghantar data dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Pengguna hanya perlu menyalin dan seterusnya memindahkan fail berkenaan ke lokasi tujuan. Kemajuan teknologi telah membawa kepada kepelbagaian teknologi media storan. Artikel ini hanya merungkap sebahagian kecil daripadanya. Tetapi tunggu, bukankah lebih mudah jika kita menggunakan e-mel saja untuk menghantar fail tadi ?

Disediakan oleh : Khairul Asyrani Sulaiman

# AKTIVITI PERPUSTAKAAN 2008

## BULAN MEMBACA PERINGKAT UPSI 2008

Antara aktiviti Bulan Membaca Peringkat UPSI yang akan diadakan pada tahun 2008 adalah Wacana Ilmu, pesta buku, pertandingan bercerita peringkat Sekolah Rendah, pertandingan 'talk host' dan teater kanak-kanak.

Pada tahun ini terdapat kelainan daripada tahun sebelumnya, di mana pihak perpustakaan bekerjasama dengan pihak Perhubungan Awam Universiti (PRO), Majlis Perwakilan Pelajar serta ahli Kelab Sahabat Perpustakaan bagi menjayakan setiap aktiviti yang telah dirancang.

## LAWATAN JANUARI HINGGA MAC 2008

Perpustakaan Tuanku Bainun menjadi tumpuan pelawat dari dalam dan luar negara. Berikut adalah senarai pelawat yang diterima oleh Perpustakaan Tuanku Bainun sepanjang Januari sehingga Mac 2008:

Sek. Men. Keb. Slim River - 16hb. Feb 2008

Sek. Men. Keb. Rahmat, Melaka - 22hb. Feb 2008

Sek. Men. Keb. Mutiara Impian, P.Pinang - 29hb. Feb 2008

Sek. Men. Keb. Landas Ajil, Terengganu - 5hb. Mac 2008

Sek. Men. Keb. Kuala Nerang, Kedah - 6hb. Mac 2008

Universiti Terbuka Malaysia - 16hb. Mac 2008

Universiti Terknologi MARA, Shah Alam - 21hb. Mac 2008

Sek. Men. Keb. Sharifah Rodziah, Kedah - 21hb. Mac 2008

Sek. Men. Keb. Syeikh Abdul Ghani, Bidor - 21hb. Mac 2008

## HARI BERSAMA PELANGGAN

Pada 4hb-5hb Mac 2008, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan telah menganjurkan Hari Bersama Pelanggan selama dua hari di Fakulti Seni & Muzik. Objektif utama Hari Bersama Pelanggan adalah memberikan informasi terkini kepada para pelanggan perpustakaan di samping memberikan bimbingan terhadap permasalahan yang dihadapi oleh pelanggan. Sesi Hari Bersama Pelanggan seterusnya akan diadakan di Bangunan IPSI untuk Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, Fakulti Sains Sukan dan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, di Bangunan Canselori bagi Fakulti Sains dan Teknologi, di Bangunan Malim Sarjana untuk Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan serta Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan seterusnya di Fakulti Bahasa.



Mengedarkan brosur berkaitan perpustakaan



Memberikan penerangan kepada pelanggan

*Disediakan oleh : Muliati Abdul Samad*

# BERITA KAKITANGAN

Tahniah dan selamat datang diucapkan kepada kakitangan baru yang melapor diri di perpustakaan

## BERITA KELAB KAKITANGAN PERPUSTAKAAN (KLIK)

Kelab Kakitangan Perpustakaan (KLIK) telah mengadakan pelbagai aktiviti kepada ahli kelab. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah:-

- ◆ Sambutan Hari Keluarga di Bukit Tambun, Perak
- ◆ Senamrobik bagi kakitangan wanita pada setiap petang Selasa dengan kerjasama tenaga pengajar Pn. Zainab bt Hussein daripada JHEPA
- ◆ Jualan pakaian
- ◆ Jualan mug
- ◆ Pemberian kad harijadi dan kek
- ◆ Ulasan buku oleh kakitangan pada taklimat pagi Isnin



Nama : Cik Nurfaizah bt Kamarudin  
Jawatan : Pustakawan  
Tarikh Lapor Diri : 2hb. Januari 2008



Nama : Cik Siti Fairuz bt Sariat  
Jawatan : Penolong Pegawai Perpustakaan  
Tarikh Lapor Diri :



Nama : Pn. Noriah bt Mohamad  
Jawatan : Penolong Pegawai Tadbir  
Tarikh Lapor Diri : 16hb. Januari 2008



Senamrobik



Pertandingan mengumpul ais



Aktiviti sukaneka pada Hari Keluarga di Bukit Tambun, Perak

*Disediakan oleh : Muliati Abdul Samad*

# CAHAYA KASIH



Nama Kakitangan : Raja Radiah bt Raja Ahmad

Nama Anak : Puteri Ezureen Bt Edzri



Nama Kakitangan : Ahmad Fadzi b Ahmad Resmi

Nama Anak : Nur Irisha Nazirah bt Ahmad Fazli



Nama Kakitangan : Rozman b Che Ross

Nama Anak : Muhammad Hijaz Naufal b Rozman

## AKTIVITI SUKAN DAN RIADAH



Perpustakaan telah menghantar dua pasukan bowling wanita bagi menyertai pertandingan bowling anjuran PRESTASI bertempat di Mines Wonderland. Pertandingan telah diadakan pada 2hb. Februari 2008. Tahniah diucapkan kepada Noraliza atas kejayaan beliau sebagai Naib Johan peserta terbaik wanita dan Johan keseluruhan markah pin tertinggi kategori wanita. Tahniah juga kepada semua ahli pasukan bowling.



# ULASAN BUKU



## Keberkesanan Dalam Pengajaran Secara Positif


35 Strategi Berkesan untuk Penglibatan Pelajar  
Secara Aktif dan Bersemangat di dalam Kelas

Yvonne Bender

Terjemahan dan Suntingan  
PROF. MADYA DR. AZARAE HJ IDRIS

Buku ini penuh dengan strategi pengajaran yang praktikal dan panduan ringkas bagi memberi ilham kepada para guru dalam memulakan pengajaran mereka serta menjadikan bilik darjah sebagai tempat untuk belajar dan membesar penuh intelektual dan kemasyarakatan. Keberkesanan pengajaran yang positif menyediakan kaedah-kaedah yang inovatif ke arah mengubah bilik darjah yang bermasalah menuju perubahan yang positif dan amat menggalakkan serta menyediakan panduan yang lengkap bagi menjadikan tingkah laku negatif berubah menjadi interaksi yang positif. Terdapat empat strategi yang diberikan penekanan oleh penulis iaitu strategi yang meningkatkan dan mengekalkan perhatian pelajar; merangsang kerjasama dan kerja berkumpulan; menjadikan pelajar tersusun membina keyakinan diri dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang positif.

Bender, Yvonne. "Keberkesanan dalam pengajaran secara positif." Selangor: Wisdom Mind Resources, 2007



## STRATEGI untuk PENGAJARAN YANG HEBAT

MARK REARDON

MEMAKSIMUMKAN  
SAAT-SAAT  
PEMBELAJARAN

Terjemahan dan Suntingan  
PROF. MADYA DR. AZARAE HJ IDRIS

Strategi ke arah pengajaran yang cemerlang berdasarkan pengarang buku ini mudah untuk dilaksanakan iaitu meliputi strategi yang dapat memperkayakan kemampuan para pelajar untuk memahami setiap subjek yang diajar dengan berkesan serta mengukuhkan daya pemahaman dan ingatan mereka. Setiap bab menerusi buku ini ditulis berdasarkan situasi-situasi tertentu yang menghubungkan para pelajar dengan kemampuan dan kepintaran mereka. Dengan menggunakan kaedah ini, kemampuan para pelajar akan meningkat.

Reardon, Mark and Seth Derner. "Strategi untuk pengajaran yang hebat." Selangor: Wisdom Mind Resources, 2007

Disediakan oleh : Muliati Abdul Samad

